



SOALAN –SOALAN LAZIM: PERLINDUNGAN AGRO BESTARI-i

| NO | SOALAN | JAWAPAN |
|----|--|--|
| 1 | Apakah itu Pelan Agro Bestari-i? | Agro Bestari-i merupakan pelan pendidikan dengan sumbangan takaful berkala yang menawarkan perlindungan ke atas kematian / hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK) terhadap kanak-kanak dengan elemen simpanan sehingga sijil takaful matang. |
| 2 | Siapakah yang layak untuk menyertai Agro Bestari-i? | <ol style="list-style-type: none">1. Orang Yang Dilindungi – Kanak-kanak berumur di antara 30 hari sehingga 12 tahun dengan pilihan yang fleksibel pada umur matang.2. Peserta – Ibu atau bapa atau penjaga yang berumur dari 18 sehingga 60 tahun layak menyertai pelan ini. <p>Nota: umur adalah merujuk kepada hari jadi akan dating.</p> |
| 3 | Apakah skop perlindungan dan manfaat takaful yang diberikan oleh Agro Bestari-i? | <p>Manfaat Takaful dan Amaun Perlindungan adalah seperti berikut:-</p> <p><u>Perlindungan Orang Yang Dilindungi (Kanak-kanak)</u></p> <ul style="list-style-type: none">a) Kematian atau HUMK akibat semulajadib) Kematian atau HUMK akibat kemalanganc) Penyakit Kritis – Bayaran Sekaligusd) Pendapatan Hospitale) Anugerah Kecemerlangan Pendidikanf) Manfaat Matangg) Manfaat Serahanh) Pengeluaran Tunai <p><u>Perlindungan Peserta Takaful (Ibu/ Bapa/ Penjaga)</u></p> <ul style="list-style-type: none">i) Payor Saving: Pengecualian Sumbangan Takaful apabila berlaku Kematian atau HUMK atau menghidap 35 Penyakit Kritis kepada Peserta Takaful)j) Term for Payor: 100% amaun perlindungan akan dibayar sekiranya peserta takaful meninggal dunia atau mengalami HUMK semasa tempoh perlindungan sijil takaful. Tuntutan ini tidak akan menamatkan pelan asas dan pelan tambahan yang lain. <p>Nota-Nota :-</p> <ol style="list-style-type: none">1. HUMK adalah berdasarkan "Pekerjaan Sendiri atau Pekerjaan yang Sesuai" dan hilang upaya telah berlaku sekurang-kurangnya enam(6) bulan , Manfaat Takaful yang dibayar adalah tertakluk kepada :<ul style="list-style-type: none">• Tuntutan HUMK disahkan oleh Doktor yang dilantik.• Sumbangan Takaful tidak tertunggak |

| | | | |
|--|---|---|--|
| <p>4. Apakah senarai Penyakit Kritikal yang dilindungi dibawah pelan ini?</p> | | | |
| Senarai 36 Jenis Penyakit Kritikal | | | |
| 1 | Strok/ Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan | 19 | Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang |
| 2 | Serangan Jantung – keterangan tertentu | 20 | Hilang Keupayaan Bertutur |
| 3 | Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang | 21 | Pembedahan Otak |
| 4 | Kanser – keterangan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal | 22 | Pembedahan Injap Jantung |
| 5 | Pembedahan Pintasan Arteri Koronari | 23 | Kehilangan upaya hidup sendiri (berdikari) |
| 6 | Penyakit Arteri Koronari Serius | 24 | Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian |
| 7 | Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari | 25 | Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian |
| 8 | Kegagalan Hati Tahap Akhir | 26 | Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang |
| 9 | Hepatitis Viral Fulminan | 27 | Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan |
| 10 | Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan | 28 | Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian |
| 11 | Tumor Otak Benign – Keterangan Tertentu | 29 | Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk |
| 12 | Kelumpuhan Anggota | 30 | Distrofi Otot |
| 13 | Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih | 31 | Pembedahan Aorta |
| 14 | Pekak – Kekal dan Tidak boleh Pulih | 32 | Sklerosis Multipel |
| 15 | Kelecuran Tahap Ketiga – Keterangan tertentu | 33 | Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterangan tertentu |
| 16 | Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah | 34 | Penyakit Sistik Medular |
| 17 | Penyakit Paru-paru Tahap Akhir | 35 | Kardiomiopati – keterangan tertentu |
| 18 | Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian | 36 | Lupus Eritematosus Sistematis Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk |
| 5. | Adakah saya dilindungi dimana saja saya berada? | Ya. Anda akan dilindungi walau di mana sekalipun anda berada, tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful. | |

| 6. | Adakah perlu untuk saya melakukan pemeriksaan kesihatan? | Pemeriksaan kesihatan mungkin diperlukan tertakluk kepada jumlah perlindungan dan tahap kesihatan peserta/ orang yang dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam borang penyertaan. | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|--|---|--|--------------------------------------|------------------|---------|----------|--------------------|-----|----------|--------------------|---------|----------|---------------------|----------|----------|---------------------|-----|----------|
| 7. | Apakah maksud Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)? | Apabila berlaku kematian atau HUMK terhadap anak anda (Orang Yang Dilindungi) sebelum sijil takaful matang, amaun perlindungan bersama dengan baki di dalam DPP (jika ada), akan dibayar kepada anda. Walau bagaimanapun , jika kematian atau HUMK berlaku sebelum anak anda menjangkau umur lima tahun pada ulang tahun berikutnya , amaun perlindungan akan dibayar berdasarkan jadual berikut :- | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | <table border="1"> <thead> <tr> <th>Usia Kematian /HUMK (Hari jadi akan datang)</th><th>Peratusan Amaun Perlindungan Yang Akan Dibayar</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 tahun</td><td>20%</td></tr> <tr> <td>2 tahun</td><td>40%</td></tr> <tr> <td>3 tahun</td><td>60%</td></tr> <tr> <td>4 tahun</td><td>80%</td></tr> <tr> <td>5 tahun</td><td>100%</td></tr> </tbody> </table> <p>*DPP = Dana Pelaburan Peserta</p> | Usia Kematian /HUMK (Hari jadi akan datang) | Peratusan Amaun Perlindungan Yang Akan Dibayar | 1 tahun | 20% | 2 tahun | 40% | 3 tahun | 60% | 4 tahun | 80% | 5 tahun | 100% | | | | | | |
| Usia Kematian /HUMK (Hari jadi akan datang) | Peratusan Amaun Perlindungan Yang Akan Dibayar | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1 tahun | 20% | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2 tahun | 40% | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3 tahun | 60% | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 4 tahun | 80% | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 5 tahun | 100% | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 8. | Apakah Manfaat Serahan Sijil Takaful (manfaat ini tidak dijamin) | Apabila sijil Takaful diserahkan, Peserta Takaful akan menerima jumlah baki di dalam DPP (jika ada) setelah ditolak caj serahan sehingga maksimum RM50.00 seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful. | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 9. | Apakah Kelebihan Agro Bestari-i? | <ul style="list-style-type: none"> Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Sekiranya anak yang dilindungi di bawah pelan Takaful ini mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang, mereka akan diberikan Anugerah Kecemerlangan Pendidikan. Anugerah tersebut adalah untuk kecemerlangan di dalam peperiksaan berikut: UPSR, PT3, SPM, STAM atau STPM. Manfaat takaful ini hanya akan dibayar sekiranya pada tarikh peperiksaan, Sijil Takaful telah berkuat kuasa untuk tempoh minimum tiga tahun. Jadual manfaat anugerah adalah seperti berikut :- <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori Peperiksaan</th><th>Kriteria Minimum</th><th>Manfaat Dibayar (setiap A / mumtaz)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>UPSR (Darjah 6)</td><td>5 A</td><td>RM100.00</td></tr> <tr> <td>PT3 (Tingkatan 3)</td><td>7 A</td><td>RM100.00</td></tr> <tr> <td>SPM (Tingkatan 5)</td><td>7 A</td><td>RM100.00</td></tr> <tr> <td>STAM (Tingkatan 6)</td><td>7 Mumtaz</td><td>RM100.00</td></tr> <tr> <td>STPM (Tingkatan 6)</td><td>5 A</td><td>RM100.00</td></tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> Penambahan Kadar Sumbangan Takaful Pengeluaran Tunai | Kategori Peperiksaan | Kriteria Minimum | Manfaat Dibayar (setiap A / mumtaz) | UPSR (Darjah 6) | 5 A | RM100.00 | PT3 (Tingkatan 3) | 7 A | RM100.00 | SPM (Tingkatan 5) | 7 A | RM100.00 | STAM (Tingkatan 6) | 7 Mumtaz | RM100.00 | STPM (Tingkatan 6) | 5 A | RM100.00 |
| Kategori Peperiksaan | Kriteria Minimum | Manfaat Dibayar (setiap A / mumtaz) | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| UPSR (Darjah 6) | 5 A | RM100.00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| PT3 (Tingkatan 3) | 7 A | RM100.00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| SPM (Tingkatan 5) | 7 A | RM100.00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| STAM (Tingkatan 6) | 7 Mumtaz | RM100.00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| STPM (Tingkatan 6) | 5 A | RM100.00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 10. | Apakah maksud Penambahan Kadar Sumbangan Takaful ? | Sumbangan takaful tambahan boleh dibuat bermula dari hari pertama sijil takaful berkuat kuasa, dengan syarat sumbangan takaful untuk tahun semasa tidak tertunggak. Amaun penambahan minimum adalah sebanyak RM50.00 dimana amaun ini akan dimasukkan sepenuhnya ke dalam DPP. | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 11. | Apakah maksud Pengeluaran Tunai ? | Pengeluaran tunai separa boleh dilakukan daripada DPP setelah sijil takaful berkuat kuasa untuk tempoh minimum selama lima tahun. Hanya lima pengeluaran sahaja dibenarkan sepanjang tempoh sijil takaful dan jarak | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

| | | minimum di antara pengeluaran ialah dua tahun. Yuran pengeluaran sebanyak RM50.00 seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful akan dikenakan dari DPP bagi setiap pengeluaran. | | | | | | | | | | | | |
|--------------------------------------|---|---|----------------------|---------|---------|---------|---------|---------|--------------------------------------|-----|-----|-----|-----|------|
| 12. | Adakah saya akan mendapat pulangan sumbangan sekiranya saya ingin membatalkan Pelan ini ? | Pembatalan sijil takaful oleh Peserta adalah dibenarkan dalam tempoh 15 hari selepas menerima Sijil Takaful. Sumbangan Takaful yang telah dibayar akan dipulangkan semula selepas ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang dibuat (sekiranya ada). | | | | | | | | | | | | |
| 13. | Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui ? | <p>a) Kepentingan pendedahan maklumat – Peserta Takaful dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur dengan betul . Pihak Syarikat mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika Peserta Takaful didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan yang akan mempengaruhi keputusan yang akan ditetapkan kepada Peserta Takaful.</p> <p>b) Tempoh bertenang –Peserta Takaful boleh membatalkan Sijil Takaful dengan mengembalikan Sijil Takaful tersebut kepada pihak Syarikat dalam tempoh lima belas hari (15) hari dari tarikh Sijil Takaful diterima. Sumbangan Takaful yang telah dibayar (selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan –sekiranya ada) akan dikembalikan kepada Peserta Takaful. Pihak Syarikat akan membatalkan Sijil Takaful dengan serta merta setelah penerimaan surat pembatalan dan ianya akan dianggap tidak berkuasa dari tarikh dikeluarkan.</p> <p>c) Sekiranya berlaku kematian atau HUMK kepada Orang Yang Dilindungi sebelum dia mencapai umur lima (5) tahun pada hari jadi yang akan datang, Amaun Perlindungan yang akan dibayar adalah seperti berikut :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Umur Kematian / HUMK</th> <th>1 tahun</th> <th>2 tahun</th> <th>3 tahun</th> <th>4 tahun</th> <th>5 tahun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Peratusan Amaun Perlindungan Dibayar</td> <td>20%</td> <td>40%</td> <td>60%</td> <td>80%</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table> <p>d) Tempoh menunggu untuk pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan atau yang berkaitan adalah 30 hari dari Tarikh Kuat Kuasa.</p> <p>e) Pendapatan pelaburan sebenarnya boleh berubah-ubah mengikut keadaan pasaran. Oleh itu, jumlah terkumpul di dalam PIA /PRIA boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang telah dibuat ke dalam PIA /PRIA (berkemungkinan menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).</p> <p>f) Keuntungan pelaburan daripada PIA / PRIA , jika ada, akan dipulangkan kepada Peserta Takaful (melalui PIA / PRIA) setelah ditolak Yuran Prestasi Pelaburan sebanyak 30% daripada keuntungan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh menolak Yuran Prestasi Pelaburan kurang daripada 30%.</p> <p>g) Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh agih kasar semasa berakhirnya Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh – agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.</p> <p>h) Adalah penting bagi Peserta Takaful untuk menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan-Sumbangan Takaful.</p> | Umur Kematian / HUMK | 1 tahun | 2 tahun | 3 tahun | 4 tahun | 5 tahun | Peratusan Amaun Perlindungan Dibayar | 20% | 40% | 60% | 80% | 100% |
| Umur Kematian / HUMK | 1 tahun | 2 tahun | 3 tahun | 4 tahun | 5 tahun | | | | | | | | | |
| Peratusan Amaun Perlindungan Dibayar | 20% | 40% | 60% | 80% | 100% | | | | | | | | | |

| | |
|-----|---|
| | <p>i) Sila hubungi pihak Syarikat sekiranya Peserta Takaful tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan.</p> <p>j) Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada pihak Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, Pihak Syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi menfaillkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan –keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimana, ini tidak akan menghalang pihak Syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah di kemukakan kepada pihak Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.</p> |
| 14. | <p>Apakah pengecualian – pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?</p> <p>Pengecualian ke atas Kematian Sijil Takaful ini tidak melindungi kematian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bunuh diri ; atau b) Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau c) Penyakit yang disebarluaskan secara seksual ; atau d) Di bawah pengaruh alcohol atau ubat-ubatan selain daripada mengikut arahan doktor. <p>Pengecualian utama diguna pakai untuk HUMK Sijil Takaful ini tidak melindungi sebarang HUMK yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung , keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang diberikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kecederaan diri yang disengajakan atau sebarang percubaan untuk memudaratkan diri sendiri dengan sengaja ketika siuman atau tidak siuman ; atau b) Peperangan , penaklukan , ancaman musuh luar , permusuhan ataupun operasi berbentuk peperangan (sama ada diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara; atau c) Pemberontakan, rusuhan, pemberontakan tentera atau orang awam , insureksi , penentangan , revolusi , perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengistiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat; atau d) Hilang upaya bermula sebelum penerimaan perlindungan; atau e) Keadaan sedia ada. <p>Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian yang terdapat di bawah Sijil Takaful.</p> |

| | | |
|-----|---|---|
| 15. | Apakah jenis-jenis dana yang terdapat di bawah Agro Bestari-i | <p>Dana Pelaburan Peserta (DPP)</p> <p>DPP adalah dana simpanan yang dimiliki oleh peserta takaful. Sumbangan takaful dimasukkan ke dalam DPP dan yuran wakalah akan ditolak daripada DPP ke dalam Dana Pemegang Saham. Tabarru' (derma) akan ditolak daripada DPP setiap bulan dan akan dimasukkan ke dalam Dana Risiko. Peserta takaful akan menerima keseluruhan amaun di dalam DPP semasa serahan, penamatian atau apabila sijil takaful matang.</p> <p>Dana Risiko</p> <p>Merujuk kepada kumpulan dana yang berdasarkan kepada konsep tabarru' yang memerlukan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan peserta – peserta takaful. Amaun perlindungan akan dibayar daripada dana ini.</p> |
| 16. | Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan? | Menyertai pelan takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar Sumbangan Takaful anda dalam tempoh yang dibenarkan, Sijil Takaful anda mungkin hilang. Anda boleh memilih untuk membatalkan Sijil Takaful dengan memberikan notis bertulis kepada pihak Syarikat. Amaun tunai yang pihak Syarikat akan bayar apabila anda membatalkan Sijil Takaful sebelum tempoh matang mungkin kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang telah anda bayar. |
| 17. | Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi? | Adalah penting untuk Peserta Takaful memaklumkan kepada pihak Syarikat sebarang perubahan pada maklumat / alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada Peserta Takaful dalam jangka masa ditetapkan. |